

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

AKU 403 PERAKAUNAN KOS

Tarikh: 28 Oktober 1987

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab SEMUA soalan di Bahagian A dan SATU soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Syarikat Minden menggunakan sistem pengekos kerja yang dijalankan melalui beberapa jurnal, lejar dan borang perakaunan kos. Semua borang yang diperlukan telah dibekalkan. Beberapa catatan telah pun dibuat di dalam borang-borang ini. Anda dikehendaki menjalankan tugas seorang akauntan kos dan, bila perlu, tugas mereka yang terlibat sama di dalam proses mengumpul maklumat perakaunan kos.

SISTEM

Antara perlengkapan sistem yang digunakan ialah:

Jurnal.

Tujuh jurnal digunakan untuk catatan asal.

Daftar Baucer DB

Jurnal Permintaan Bahan PB

...2/-

Jurnal Pulangan Bahan	RB
Jurnal Penyerapan Overhed	JPO
Jurnal Kerja Siap	KS
Jurnal Jualan	JJ
Jurnal Am (Baucer)	J

Lejar Am

Carta akaun serta baki akaun-akaun pada 1 November adalah seperti berikut:

121	Bahan Mentah	\$40,907.89	
122	Kerja Berjalan	\$21,832.36	
126	Barangsiap	\$27,564.60	
401	Jualan O		
415	Kos Barang Dijual O		
500	Senarai Gaji - Penjelasan	\$10,048	(Kr)
501	Overhed-Kawalan O		
501.1	Overhed - Jabatan Mengisar	O	
501.2	Overhed - Jabatan Memasang	O	
501.3	Overhed - Jabatan Mengilap	O	
501.4	Overhed - Jabatan Perkhidmatan Bangunan	O	
501.5	Overhed - Jabatan Kilang Am	O	
505	Overhed Lebih/Kurang Diserap	\$3,194.54	(Dr)

(Baki-baki pada 1 November dan pengeposan yang berlaku daripada 1 November hingga 25 November telah dilakukan.

...3/-

Lejar Subsidari

Empat lejar kos subsidari digunakan dan juga dibekalkan. Syarikat Minden menggunakan kaedah MDKD untuk mengekos semua inventori. Lejar-lejar subsidari adalah seperti berikut:

- Lejar Bahan, terdiri daripada bahan K - 193, L - 27, I - 16 dan pelbagai.
- Lejar kos Kerja, terdiri daripada empat lembaran kos kerja. Kerja 112 dimulakan di dalam bulan Oktober manakala kerja 118, 119 dan 120 dimulakan di dalam bulan November. Catatan-catatan hingga 25 November telah diposkan.
- Lembaran Analisis Overhed Jabatan, dibekalkan bagi setiap daripada lima jabatan: Mengisar, Memasang, Mengilap, Perkhidmatan Bangunan dan Kilang Am. Catatan pertama di dalam setiap lembaran adalah ringkasan pengeposan 1 November hingga 25 November.
- Lejar Barangsiap, terdiri daripada tiga kad lejar stok yang menunjukkan semua pengeposan hingga 25 November.

Urusniaga

26 November

- Permintaan 613 untuk 30 unit bahan L-27 bagi kerja 112. Permintaan 614 untuk 100 unit Bahan K-193 bagi Kerja 118.

27 November

- 400 unit bahan K-193 @ \$15.95 seunit diterima daripada Syarikat Town Supply (Pesanan Belian 1194, Baucer 11-72)

...4/-

- Pemeriksaan menunjukkan 28 unit daripada Kerja 112 telah cacat dan memerlukan kos kerja semula. Kos kerja semula ini dicaj kepada Overhed - Kawalan. Dengan itu kerja 121 dicajkan dengan kos kerja semula dan satu lembaran kos kerja dibuka.
- Permintaan 615 untuk 18 unit Bahan L-27 bagi Kerja 121.

28 November

- Permintaan 616 untuk 150 unit Bahan K-193 bagi Kerja 119. Permintaan 617 untuk 100 unit Bahan I-16 bagi Jabatan Memasang.
- Menjual 55 unit Meja (Stok 18) kepada Syarikat Retail Outlet pada harga \$160.50 seunit dengan invois 716; syarat 2/10, n/30.

29 November

- Permintaan 618 untuk 450 unit Bahan L-27 bagi Kerja 119. Permintaan 619 untuk 100 unit Bahan I-16 bagi Jabatan Mengilap.
- 1,000 unit Bahan L-27 @ \$2.25 seunit diterima daripada Syarikat Mica Supply (Pesanan Belian 1195, Baucer 11-73).
- Skrep yang terkumpul di Jabatan Mengisar di dalam bulan November dijual secara tunai \$135. Oleh kerana skrep itu rendah nilainya tiada sebarang catatan yang dibuat sebelum ini. Syarikat Minden mengkredit jualan skrep ke Overhed-Kawalan untuk mengurangkan kos barangan. Jabatan Mengisar akan dikreditkan atas jualan ini.
- Pembaikan peralatan di Jabatan Mengisar dilakukan oleh Syarikat Sure Repair pada harga \$90 (Baucer 11-74).

...5/-

- Menjual 100 unit meja (stok 327) @ \$32 seunit kepada Statewide Discount Markets dengan invois 717; syarat 2/10, n/30.

30 November

- Permintaan 620 untuk 300 unit Bahan L-27 bagi Kerja 118. Permintaan 621 untuk 200 unit Bahan I-16 bagi Jabatan Mengilap.
- 20 unit Bahan L-27 yang diminta melalui Permintaan 613 pada 26 November bagi Kerja 112 dipulangkan. Laporan Pulangan Bahan 70 telah disediakan.
- Menjual 50 meja (stok 327) kepada Syarikat Fair Furniture @ \$32 seunit dengan invois 718; syarat 2/10, n/30.
- Utiliti (api, air dan gas) bagi operasi kilang di dalam bulan November perlu dibayar kepada City Utilities (Baucer 11-75). Jumlah kos \$2,062 ini diperuntukkan seperti berikut.

Jabatan Mengisar	\$502
Jabatan Memasang	90
Jabatan Mengilap	190
Jabatan Perkhidmatan Bangunan	903
Jabatan Kilang Am	377

Maklumat Untuk
Prosedur Perantaraan

Daftar Gaji Mingguan

Daftar Gaji Mingguan Kilang bagi 24 hingga 30 November menunjukkan berikut:

...6/-

Pendapatan Kasar	\$17,413.50
Potongan bagi KWSP	1,218.97
Cukai pendapatan ditahan	2,507.63
Insuran kelompok ditahan	207.50

Lakukan catatan jurnal dan poskan pendapatan kasar. Item lain tidak perlu diposkan kerana akaun-akaun tidak dibekalkan.

Analisis Tiket Masa (ATM)

Analisis tiket masa bagi minggu berakhir 30 November adalah seperti berikut:

Buruh Langsung

<u>Kerja</u>	<u>Mengisar</u>		<u>Memasang</u>		<u>Mengilap</u>		<u>Jumlah</u>
	<u>Jam</u>	<u>Amaun</u>	<u>Jam</u>	<u>Amaun</u>	<u>Jam</u>	<u>Amaun</u>	
112			185	\$ 1,110	110	\$ 715.00	\$1,825.00
118	113	\$ 706.25	133	\$ 798	148	\$ 962.00	\$2,466.25
119	235	\$1,468.75	356	\$2,136	240	\$1,560.00	\$5,164.75
120	285	\$1,781.25	165	\$ 990	-0-	\$ -0-	\$2,771.25
121	47	\$ 293.75	65	\$ 390	37	\$ 240.50	\$ 924.25
	<u>680</u>	<u>\$4,250.00</u>	<u>904</u>	<u>\$5,424</u>	<u>535</u>	<u>\$3,477.50</u>	<u>\$13,151.50</u>
	===	=====	===	=====	===	=====	=====

...7/-

Buruh Tak Langsung

<u>Jabatan</u>	<u>Pendapatan biasa</u>	<u>Premium lebih masa</u>	<u>Jumlah</u>
Mengisar	\$ 606	\$29	\$ 635
Memasang	\$ 771	-o-	\$ 771
Mengilap	\$ 635	\$26	\$ 661
Perkhidmatan Bangunan	\$ 910	-o-	\$ 910
Kilang Am	\$1,285	-o-	\$1,285
JUMLAH	<u>\$4,207</u> =====	<u>\$55</u> ===	<u>\$4,262</u> =====

Daftar Gaji Setengah Bulanan

Daftar gaji setengah bulanan bagi 16 hingga 30 November menunjukkan perkara berikut:

Pendapatan kasar	\$3,024.00
Potongan bagi KWSP	211.68
Cukai pendapatan ditahan	453.60
Insuran kelompok ditahan	60.50

Lakukan cacatan jurnal dan poskan pendapatan kasar. Item lain tidak perlu dipos kerana akaun-akaun tidak dibekalkan.

Analisis Gaji Setengah Bulanan

Analisis gaji setengah bulanan daripada 16 hingga 30 November menunjukkan perkara berikut:

Jabatan Perkhidmatan Bangunan	\$ 870
Jabatan Kilang Am	\$2,154

...8/-

Maklumat Untuk
Prosedur Akhir Bulan

Bahan

Jurnal-jurnal yang berkenaan dijumlahkan dan pengeposan ke lejar am dilakukan.

Buruh

- Ringkasan upahan kilang disediakan dengan mendapatkan jumlah kos buruh langsung dan tak langsung. Catatan jurnal dan pengeposan untuk mengecaj kos buruh ke pengeluaran kemudian dilakukan.
- Ringkasan pendapatan untuk caruman KWSP bagi bulan November adalah seperti berikut:

<u>Jabatan</u>	<u>Asas Caruman</u>
Mengisar	\$20,201.00
Memasang	\$26,439.00
Mengilap	\$18,141.50
Perkhidmatan Bangunan	\$ 5,852.00
Kilang Am	\$10,148.00
	<u>\$80,781.50</u>
	=====

(Kadar 7% bagi majikan)

Overhed Kilang

- Jadual kos overhed tetap bagi bulan November untuk cacatan jurnal dan pengeposan adalah seperti berikut:

(lihat di muka sebelah)

...9/-

<u>Jabatan</u>	<u>Susutnilai Mesin & Peralatan</u>	<u>Susutnilai Bangunan</u>	<u>Cukai Harta</u>	<u>Insuran Harta</u>	<u>Jumlah</u>
Mengisar	\$1,056.00		\$53.00	\$38.00	\$1,147.00
Memasang	\$ 163.40		\$12.22	\$13.30	\$ 188.92
Mengilap	\$ 410.00		\$23.10	\$22.00	\$ 455.10
<u>Perkhidmatan Bangunan</u>	\$ 212.00	\$1,520.00	\$220.00	\$57.00	\$2,009.00
Kilang Am	\$ 798.60		\$112.68	\$70.70	\$ 981.98
<u>Jumlah</u>	<u>\$2,640.00</u>	<u>\$1,520.00</u>	<u>\$421.00</u>	<u>\$201.00</u>	<u>\$4,782.00</u>

- Insuran untuk pekerja dianggarkan seperti berikut:

Mengisar	\$220
Memasang	\$230
Mengilap	\$174
Perkhidmatan bangunan	\$ 58
Kilang am	\$101

Kos Kerja Semula

Kerja 121 ialah kerja untuk membaiki 28 unit daripada kerja 112. Kerja tambahan ini telahpun selesai. Penyerapan overhed berasaskan kadar berikut.

Mengisar	\$5.10 sejam buruh
Memasang	\$4.71 sejam buruh
Mengilap	\$5.88 sejam buruh

Bila memindahkan kos kerja semula ke Overhed - Kawalan, Jabatan Mengilap dicajkan dengan kos ini.

...10/-

Penyerapan Overhed

Penyerapan Overhed dilakukan mengikut kadar di atas. Kerja 118 dan 119 telah selesai pada 30 November, manakala kerja 112 dan 120 masih belum siap.

Barangan Rosak

Pemeriksaan Kerja 120 menunjukkan 6 unit telah rosak dan boleh dijual @ \$27 seunit. Syarikat Minden mengecaj kerugian atas kerosakan barangan ke Overhed - Kawalan dan Jabatan Mengilap akan menanggung kerugian ini. Satu laporan Barangan Rosak (LBR 25) telah disediakan.

Peruntukan Kos Jabatan Perkhidmatan

- Kos Jabatan Perkhidmatan Bangunan diperuntukkan dahulu berasaskan ruang lantai yang ditunjukkan seperti berikut:

<u>Jabatan</u>	<u>Kaki Persegi</u>
Kilang Am	16,200
Mengisar	10,800
Memasang	15,120
Mengilap	11,880
	<hr/>
	54,000
	<hr/>

- Sementara itu kos Jabatan Kilang Am diperuntukkan berasaskan kos buruh langsung.

Overhed Lebih/Kurang Serap

Oleh kerana kegiatan untuk bulan November telah selesai beberapa perkara dilakukan berhubung dengan overhed lebih/kurang serap.

...11/-

Penyiapan Kerja

Kerja 118 dan 119 disiapkan di dalam bulan November dan semua kos dijumlahkan dan diringkaskan di dalam lembaran kos kerja. Perlu diingat bahawa kerja 118 adalah untuk stok.

Jualan Barangsiap

Kerja 119 adalah pengilangan khas bagi Syarikat Newport Wholesale Furniture dan dihantar sebaik sahaja kerja selesai pada 30 November. Jualan ini berjumlah \$28,300 dengan inouis 719; syarat jualan 2/10, n/30.

Jadual-Jadual

Syarikat Minden juga menyediakan jadual-jadual untuk membukti dan menyokong baki di lejar subsidari dengan di akaun kawalannya.

Penyata-Penyata

Data kos sekarang telah sedia untuk dimasukkan ke dalam penyata-penyata bulanan. Dengan mengandaikan belanja jualan \$8,463.40, belanja am \$7,290.65, kadar cukai 50%, penyata-penyata berikut disediakan.

- Jadual overhed kilang bagi bulan November.
- Jadual kos barang di kilang bagi bulan November.
- Penyata pendapatan bagi operasi bulan November.

(40 markah)

...12/-

2. Syarikat Dumar mengilang sejenis barangan yang melalui dua jabatan. Semua bahan mentah langsung dimasukkan pada permulaan proses di Jabatan I untuk dikerjakan dan kemudian terus dipindah ke Jabatan 2. Data operasi bagi dua bulan adalah seperti berikut:

Januari

- Jabatan I Tiada kerja berjalan pada 1 Januari. Di dalam bulan ini, 800 unit dimulakan dan \$8,000 telah dicajkan bagi kos bahan langsung. Kos memproses yang berlaku berjumlah \$2,800. 600 unit telah siap dan dipindahkan ke Jabatan 2. Kerja berjalan pada 31 Januari adalah 50% siap.
- Jabatan 2 Tiada kerja berjalan pada 1 Januari. Kerja yang dipindah daripada Jabatan 1 diterima dan kos memproses berjumlah \$2,000 ditanggung untuk menyiapkan 300 unit. Pada akhir bulan kerja berjalan sebanyak 300 unit adalah 1/3 siap.

Februari

- Jabatan 1 600 unit bahan mentah langsung yang berkos \$6,000 dimasukkan ke dalam proses. Kos memproses yang berlaku berjumlah \$2,550. Pada akhir bulan, 300 unit (2/3 siap) masih sedang diproses.
- Jabatan 2 Kos memproses yang dicaj berjumlah \$2,640. Pada 28 Februari, 300 unit (2/3 siap) masih sedang diproses.

Tiada sebarang kerosakan berlaku di dalam kedua-dua jabatan; semua unit yang belum siap pada awal bulan disiapkan di dalam bulan yang sama.

Dikehendaki

Sediakan laporan-laporan kos pengeluaran bagi setiap jabatan untuk setiap bulan dengan menggunakan kaedah purata.

(40 markah)

...13/-

BAHAGIAN B

3. Syarikat Gelugur mengeluarkan tiga jenis barangan - A, B dan C. A dan C ialah barangan bersama manakala B ialah barangan sampingan A. Kos bersama tidak diperuntukkan kepada barangan sampingan. Proses pengeluaran tahun yang lepas adalah seperti berikut:

- o Di Jabatan I, 110,000 paun bahan mentah, X, diproses dengan jumlah kos \$120,000. Selepas pemrosesan di Jabatan I, 60 peratus daripada unit-unit itu dipindahkan ke Jabatan II sementara 40 peratus (sekarang C) dipindahkan ke Jabatan III.
- o Di Jabatan II, bahan tersebut diproses selanjutnya dengan jumlah kos tambahan \$38,000. Tujuh puluh peratus daripada unit-unit (sekarang A) dipindahkan ke Jabatan IV sementara 30 peratus muncul sebagai B, barangan sampingan, yang dijual pada harga \$1.20 sepaun. Belanja jualan B ialah \$8,100.
- o Di Jabatan IV, A diproses dengan kos tambahan yang berjumlah \$23,660. Selepas pemrosesan ini, A sudah sedia untuk dijual pada harga \$5 sepaun.
- o Di Jabatan III, C diproses dengan kos tambahan yang berjumlah \$165,000. Di Jabatan ini, kehilangan biasa unit-unit C berlaku yang berjumlah 10 peratus daripada keluaran C yang sempurna. Keluaran C ini kemudian dijual pada harga \$12 sepaun.

Dikehendaki

Sediakan satu jadual menunjukkan peruntukan kos bersama \$120,000 kepada A dan C dengan menggunakan pendekatan nilai jualan bersih relatif. Nilai realisasi bersih B hendaklah dikira sebagai pendapatan tambahan kerana A. Adalah dicadangkan anda merajahkan aliran dan perhubungan fizikal proses pengeluaran tersebut sebelum memulakan kerja anda dengan menandakan sejelas mungkin keluaran akhir dalam paun.

(20 markah)

...14/-

4. Syarikat Nibong mengeluarkan sejenis barangan yang melalui satu jabatan dengan menggunakan sistem kos piawai. Kos piawai seunit barangsiap termasuk:

4 paun bahan langsung @ \$5	\$20
2 jam buruh langsung @ \$5	\$10

Berikut diberikan belanjawan fleksibel bulanan bagi overhed kilang:

Jam Buruh	30,000	40,000	50,000
-----------	--------	--------	--------

Overhed boleh ubah:

Bekalan	\$ 9,000	\$12,000	\$15,000
Buruh tak langsung	\$22,000	\$33,000	\$44,000
Lain-lain	\$17,000	\$19,000	\$21,000
	<u> </u>	<u> </u>	<u> </u>
	\$48,000	\$64,000	\$80,000
	=====	=====	=====

Overhed tetap:

Penyeliaan	\$48,000	\$48,000	\$48,000
Susutnilai	\$40,000	\$40,000	\$40,000
Lain-Lain	\$17,000	\$17,000	\$17,000
	<u> </u>	<u> </u>	<u> </u>
	\$105,000	\$105,000	\$105,000
	=====	=====	=====

Jumlah belanjawan Overhed kilang	\$153,000	\$169,000	\$185,000
	=====	=====	=====

Syarikat ini menggunakan kadar overhed secara kombinasi (boleh ubah dan tetap) \$8.20 seunit barangsiap bagi keperluan pengekosan barangan. Data pengeluaran bulan yang lepas adalah seperti berikut:

...15/-

- o 20,000 unit barangsiap dikeluarkan.
- o Tiada kerja berjalan pada awal dan akhir bulan.
- o 41,000 jam buruh digunakan @ \$5.50 sejam.
- o 96,000 paun bahan langsung dibeli @ \$5.20 sepaun.
- o 90,000 paun digunakan untuk pengeluaran.
- o Jumlah kos overhed sebenar \$176,000, \$104,000 daripadanya adalah kos tetap.

Dikehendaki

- (i) Varian kecekapan buruh langsung.
- (ii) Varian belanja overhed.
- (iii) Varian volum overhed tetap.
- (iv) Amaun yang patut didebit ke Kerja Berjalan bagi jumlah overhed diserap untuk bulan lepas.
- (v) Jumlah amaun yang patut didebit ke Kerja Berjalan bagi buruh langsung yang digunakan di dalam bulan lepas.
- (vi) Kegiatan angka bawah bulanan dalam bentuk jam buruh.
- (vii) Jumlah amaun overhed yang harus dibelanjawankan bagi bulan yang dijangka akan mengeluarkan 22,000 unit barangsiap.
- (viii) Jumlah amaun yang didebit ke inventori barangsiap bagi unit-unit yang dikeluarkan dalam bulan lepas. (Andaikan semua varian ditutup terus ke kos barang dijual.)

(20 markah)

